

AKTIVIS MUDA

Ilhamkan wadah dalam talian bagi bantu pelajar susah

Laman skolafund.com inisiatif warga S'pura yang kini berpangkalan di kampus UIA, Malaysia

► **NAZRY MOKHTAR**
nazry@sph.com.sg

RASA simpati menjentik tangkai hati selepas teman beliau menceritakan pengalaman melihat beberapa rakan sekampus dihipit masalah wang semasa berkuliah di seberang tambak.

Justeru, didorong semangat ingin membantu, Encik Muhammad Syakir Hashim dan rakannya itu menubuhkan satu wadah dalam talian untuk meringankan beban pelajar sedemikian.

Laman web skolafund.com itu membantu pelajar kurang berkemampuan membiayai yuran pengajian tinggi menerusi konsep pengumpulan dana daripada orang ramai atau 'crowdfunding'.

Ia memadankan pelajar yang ingin mencari dana bagi menampung kos pengajian tinggi dengan penaja yang ingin memberi sumbangan amal.

Sejauh ini, sekitar 60 pelajar telah dibantu menerusi wadah tersebut.

Kecuali seorang penerima dari Singapura, yang lain semuanya merupakan pelajar dari Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada April tahun lalu, laman itu telah berjaya memikat lebih 6,000 pengguna dan mengumpul dana lebih RM400,000 (\$126,400).

Firma yang berpangkalan di kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, Malaysia, itu kini diuruskan dua kakitangan sepenuh masa dan tiga staf sambilan.

Para penderma kebanyakannya terdiri daripada anggota alumni universiti, pertubuhan korporat dan badan kebajikan.

"Alhamdulillah, segala harapan saya tercapai. Saya gembira dapat berikan sedikit

bantuan. Saya melihat tugas ini sebagai satu amanah, satu tanggungjawab untuk memastikan anak muda kita mendapat pendidikan setinggi mungkin demi masa depan mereka," kata beliau, 25 tahun, yang berkhidmat sepenuh masa sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) firma itu.

Memberi contoh satu kes bantuan yang menyentuh hatinya, Encik Muhammad Syakir berkata ia melibatkan seorang mahasiswa sebuah universiti di Malaysia yang terkapai-kapai membayar yuran pengajiannya.

Ibu mahasiswa itu merupakan satu-satunya pencari nafkah selepas suaminya menyahut panggilan Ilahi.

"Dalam masa hanya seminggu kempen pengutan dana dijalankan, kami berjaya mengumpul RM5,000 untuk beliau. Beliau amat bersyukur. Ini memberi kami lebih perangsang mahu memajukan lagi dana ini," kata warga Singapura itu yang merupakan siswazah Sarjana Muda dalam Ehwah Global daripada Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menceritakan asal usul penubuhan dana itu, pemuda yang masih bujang itu berkata semangat keusahawanan telah membara di dasar hatinya sejak sekian lama.

Semangat itu digilap semasa beliau menjadi Presiden Kelab Keusahawanan NUS dan relawan program Praxis, kelolaan Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang mendedahkan pelajar kepada isu sosial masyarakat menerusi keusahawanan sosial.

Beliau kemudian berjinak-jinak dengan keusahawanan sosial dengan menubuhkan Urbane Academy, sebuah perusahaan sosial yang menjalankan program untuk belia berisiko.

Antara lain, badan itu menjalankan pro-

gram bimbingan mentor kepada lebih 50 belia setiap tahun dengan matlamat mengelakkan mereka daripada berhenti sekolah.

"Saya berpegang kepada prinsip 'Lebih banyak memberi daripada menerima'. Masyarakat telah banyak menyumbang kepada kehidupan kita sebagai individu. Saya sentiasa berasa keperluan mahu menyumbang balik kepada masyarakat dengan apa cara pun," kata bekas anggota eksko AMP Muda itu.

Selain terlibat dalam pengurusan dana itu, Encik Muhammad Syakir, bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong Katong dan Maktab Rendah Tampines, juga gigih meluahkan masa sebagai Pengerusi dana Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) Labs, di bawah Yayasan Mendaki, yang menguruskan dana bagi menggalak keusahawanan sosial.

Di samping itu, beliau, yang pernah menerima Anugerah Usahawan Muda oleh Persatuan Perniagaan Kecil dan Sederhana (SMBA) pada 2014, juga merupakan anggota Lembaga Gabenor Politeknik Nanyang.

Menyentuh tentang masa depan skolafund.com, beliau, anak seorang pemandu bas dan suri rumah, berkata firma itu kini memasuki fasa perkembangan dan giat mencari pelabur untuk meluaskan program bantuan.

Antara lain, firma itu baru menjalin kerjasama dengan sebuah yayasan di Johor untuk mengembangkan program tajaan.

"Respons yang kami terima amat baik. Ia menunjukkan idea ini memang bernas. Cabarannya sekarang adalah mengembangkannya di peringkat rantau," kata beliau yang tinggal di sebuah apartmen di Kuala Lumpur dan pulang ke sini setiap dua atau tiga minggu sekali.

Menyentuh tentang masyarakat Melayu/Islam, beliau berharap dapat melihat lebih banyak program bimbingan belia di peringkat masyarakat dan nasional.

Beliau sendiri banyak meraih faedah daripada inisiatif seperti Projek Protege anjuran Yayasan Mendaki yang mengasah



SERASI DENGAN KERJA KEMASYARAKATAN: Encik Muhammad Syakir turut gigih meluahkan masa sebagai Pengerusi dana Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) Labs, di bawah Yayasan Mendaki, yang menguruskan dana bagi menggalak keusahawanan sosial. – Foto NUR HUMAIRA SAJAT

bakat belia Melayu/Islam dalam pelbagai bidang dengan memadankan mereka dengan para mentor yang terdiri daripada ikon-ikon masyarakat.

Di bawah projek itu, Encik Muhammad Syakir dibimbing oleh tokoh perniagaan setempat dan penerima Anugerah Jauhari, Encik Shafie Shamsudin.

"Encik Shafie banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar. Walaupun tempoh projek sudah berakhir, beliau masih luangkan masa untuk bertemu saya dari masa ke masa.

"Bimbingan peribadi seperti ini amat berharga dan saya berasa amat beruntung sekali," kata beliau yang suka berjumpa kawan-kawan dan memancing di masa lapangnya.

BIODATA

Nama: Encik Muhammad Syakir Hashim
Umur: 25 tahun
Kerjaya: Pengasas bersama dan Ketua Pegawai Operasi (COO) Skolafund.com
Kerja Kemasyarakatan: Pengerusi dana Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) Labs dan anggota Lembaga Gabenor Politeknik Nanyang
Status: Masih bujang